



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

BIL. 01 / 2021

PELAKSANAAN PILIHAN RAYA UMUM DALAM PANDEMIK COVID-19

Merujuk kepada siaran akhbar berhubung dengan pelaksanaan pilihan raya umum dalam pandemik Covid-19, SPR ingin menegaskan bahawa kesesuaian untuk mengadakan PRU akan dinilai oleh Jawatankuasa Pengurusan Pandemik yang terdiri daripada Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Agensi Pengurusan Bencana Negara (NADMA), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan lain-lain agensi yang berkaitan. Jawatankuasa ini akan membuat penilaian risiko dan mengemukakan syor kepada Kerajaan sama ada sesuai atau sebaliknya untuk mengadakan PRU.

Sekian, terima kasih.

DATUK ABDUL GHANI SALLEH

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Tarikh : 8 Januari 2021 / 24 Jamadilawal 1442H